

23/06/2003

Dr Mahathir kotakan janji serah Umno kukuh, mantap

Kadir Dikoh

KIRA-kira sejam selepas meninggalkan bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) lewat petang Sabtu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sudah berada di dalam pesawat eksekutif Global Express menuju ke Langkawi.

Sebelum itu, Presiden Umno itu kelihatan ceria meskipun nampak letih ketika melangkah masuk ke keretanya yang dikelilingi orang ramai untuk singgah ke rumahnya di The Mines Resort City, kemudian menuju ke Lapangan

Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang. Perjalanannya dari Dewan Merdeka ke tempat letak kereta di aras 4, tersekat-sekat kerana orang ramai beresak-asak untuk bersalam dengannya.

Dr Mahathir membuat kejutan lagi. Kali ini beliau mengejutkan orang ramai yang menjangkakan ucapan penggulungan terakhirnya sebagai Presiden Umno di Perhimpunan Agung Umno ke-54, akan berlangsung dalam suasana yang sayu dan pilu.

Namun, sepanjang ucapannya Dr Mahathir mengeluarkan kata-kata begitu lancar dan bersemangat.

Suasana berbeza ketika beliau menyampaikan ucapan dasarnya Khamis lalu.

Beliau sebak sewaktu membaca bahagian terakhir ucapan dasarnya hingga terpaksa meneguk beberapa kali air untuk menahan emosi pilunya. Ramai perwakilan yang tidak dapat menahan sedih. Ramai yang menangis yang bukan dibuat-buat.

Segala-galanya bermula pada Jun tahun lalu apabila Dr Mahathir membuat pengumuman mengejutkan mengenai peletakan jawatan pada akhir Perhimpunan Agung Umno ke-53. Kali ini, beliau berjaya 'mematahkan' kemungkinan itu apabila berupaya mengawal emosi.

"Saya diajar oleh emak saya iaitu bila makan tengah sedap, masa itu kena berhenti, susah bila tengah sedap nak makan, nak kena berhenti. Saya tengah sedap jadi pemimpin, jadi Perdana Menteri, jadi Presiden, tetapi mengingati nasihat ibu saya, saya buat keputusan untuk berhenti. Jangan berhenti apabila dihalau keluar, jangan berhenti waktu kita tak popular, jangan berhenti setelah kita rosakkan parti," katanya dalam ucapan selama 70 minit itu.

Dr Mahathir menyerahkan Umno yang kukuh kepada bakal penggantinya, Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi - menepati janji beliau 22 tahun lalu selepas mengambil alih jawatan Presiden parti daripada Tun Hussein Onn yang berbunyi: "Mudah-mudahan saya akan dapat menyerahkan Umno kepada pemimpin

yang akan datang dalam keadaan kukuh dan berpadu seperti mana yang telah saya terima. Inilah doa saya kepada Tuhan Rabulalamin dan inilah juga yang saya pohon saudara saudari doakan bersama."

Pesanannya dirumuskan dalam bentuk 11 rangkap pantun empat kerat dengan ingatan kepada ahli Umno dan orang Melayu supaya jangan bersengketa jika mereka mahu mengelak bangsa daripada menjadi porak peranda.

Selayaknya Perhimpunan Agung Umno kali ini adalah `perhimpunan untuk Dr

Mahathir' dan itulah hakikatnya apabila semua yang mengambil bahagian dalam perbahasan memberi penghargaan tertinggi atas sumbangan dan jasa bakti beliau selama menerajui Umno dan negara 22 tahun lalu, meskipun Perdana Menteri `melarang' berbuat demikian.

Namun, dalam ucapan penggulungan, beliau merendah diri dengan menyatakan bahawa penghargaan dan sokongan yang ditujukan kepadanya itu menunjukkan keyakinan kepada kepemimpinan parti.

"Saya hargai sokongan yang diberikan. Jika Presiden tak dihargai, itu tandanya parti akan berpecah. Apabila disuarakan perasaan kasih kepada Presiden, maknanya kita kasih kepada parti dan perjuangan parti untuk bangsa, agama dan tanah air. Teruskan amalan ini kepada presiden yang akan datang," katanya.

Pada akhir Oktober ini, beliau mengundur diri untuk digantikan oleh Abdullah dan awal November pula, Perdana Menteri yang baru itu akan mengumumkan penggantinya bagi mengisi kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Tahun depan pula akan diadakan pemilihan untuk pelbagai jawatan dalam parti.

Isu `siapa bakal Timbalan Perdana Menteri' inilah menjadi perbualan hangat sekarang dan yang lebih hangat pula ialah siapa akan mengisi jawatan Timbalan Presiden Umno nanti. Memang secara tradisinya, Timbalan Perdana Menteri akan dipilih untuk jawatan nombor dua dalam parti.

Perdana Menteri berhak melantik timbalannya dan secara tradisi, salah seorang daripada tiga Naib Presiden dalam parti layak untuk dilantik. Tiga

Naib Presiden Umno sekarang ialah Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Namun, beberapa perwakilan yang mengambil bahagian dalam perbahasan terutama usul ucapan dasar Presiden yang dibahaskan oleh semua Ketua Perhubungan Umno negeri - kali pertama seumpamanya, mendesak supaya sesiapa saja yang dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, hendaklah dipilih untuk jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan tahun depan tanpa bertanding.

Inilah `mood' perhimpunan kali ini dan inilah juga menjadi harapan Dr Mahathir yang sebelum ini melahirkan kebimbangan akan berlaku perebutan jawatan tertinggi dalam parti selepas beliau berundur nanti. Malah mood itu juga jelas memberi sokongan kuat kepada Abdullah untuk menerajui parti dan kerajaan bermula November ini.

Barangkali kerana desakan mood itu juga, semua tiga Naib Presiden Umno dalam ucapan penggulungan masing-masing kelmarin mengulangi ikrar di depan lebih 2,000 perwakilan untuk tidak mencabar sesiapa saja dipilih oleh Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi bertanding Timbalan Presiden Umno pada pemilihan tahun depan.

Itulah janji mereka dan pastinya, mulai November ini apabila Abdullah sudah menamatkan timbalannya dalam kerajaan, janji mereka itulah terus menjadi pegangan ahli Umno untuk melihat apa kesudahannya menjelang pemilihan di Perhimpunan Agung Umno ke-55 tahun depan yang tarikhnya belum ditetapkan.

Dr Mahathir dalam ucapan penggulungan kemudian melahirkan rasa kesyukuran dengan pendirian Naib-naib Presiden itu dan berkata:

"Nampaknya

tidaklah akan berlaku rebutan untuk jawatan dalam parti. Saya khuatir benar kalau ada rebutan. Jika kita bersaing, bertanding, bila kalah kita akur, kadang-kadang kita berasa kecewa sehingga buat angkara dalam parti.

Kalau tak ada pertandingan, masing-masing akan patuh, kepada keputusan Abdullah apabila jadi Perdana Menteri, maka parti kita akan selamat," katanya.

Namun, ahli Umno harus ingat bahawa cabaran paling utama selepas ini ialah menghadapi pilihan raya umum yang akan diadakan sebelum pemilihan dalam parti.

Dr Mahathir dalam ucapan terakhirnya pada perhimpunan agung Sabtu lalu mengingatkan ahli parti bahawa musuh utama adalah Pas yang dianggapnya sebagai bukan parti Islam tetapi parti yang memperalatkan Islam sehingga sanggup menyalahafsirkan al-Quran demi kepentingan politik mereka.

"Duri dalam daging bagi orang Melayu adalah Pas. Pas bukan parti Islam tetapi parti yang memperalatkan Islam. Sebab itu Umno mesti tentang orang

ini sekuat-kuatnya. Yakinkanlah kita berjuang untuk yang benar dan mengikut ajaran Islam," katanya.

Lebih separuh atau kira-kira 40 minit daripada ucapan selama 70 minit itu, Dr Mahathir mengkritik kepemimpinan Pas serta tindak-tanduk pemimpin

parti terbabit yang dianggapnya sudah jauh lari daripada perjuangan pemimpin awal mereka sebelum ini.

Satu lagi masalah yang menjadi kebimbangan beliau ialah perebutan menjadi calon di kalangan ahli Umno dan dalam ucapan penggulungan itu juga, beliau menasihati ahli Umno yang dipilih sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang mesti diberi sokongan kuat dan dianggap sebagai calon parti, dengan semua pihak bekerja keras bagi menjamin kemenangan.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya mereka yang tidak berasa puas hati selepas pemilihan calon dibuat, hendaklah mengelak daripada melobi seperti

menghantar rombongan untuk merayu atau membuat panggilan telefon.

Itulah antara mesej penting peninggalannya pada perhimpunan agung Umno yang bersejarah itu dan sokongan padu ahli kepada Abdullah sebagai pengganti pilihannya dan kemantapan Umno sekarang, sudah pasti menenangkan

jiwanya sebelum bersara. Mungkin ketenangan jiwanya itu juga berupaya melelapkan matanya sepanjang penerbangan 45 minit ke Langkawi sebaik berakhir perhimpunan agung Umno malam Sabtu lalu.

Dr Mahathir berjanji akan terus berbakti kepada Umno selepas bersara nanti dan ini diluuhkannya dalam bentuk pantun pada ucapan terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 itu yang berbunyi:

Izinkan saya beredar pergi,

memberi ruang pada Pemuda;
melupai Umno tidak sekali,
terus berjuang walaupun bersara.